**NEWS CLIPPING**

| | |
|---|---|
| **EVENT:** | 7-ELEVEN TAWAR KOLEKSI LOKET |
| **PUBLICATION:** | HARIAN METRO |
| **PAGE/ SECTION:** | COMPANY NEWS |
| **DATE:** | MONDAY, 14 SEPTEMBER 2015 |
| **TIME:** | - |

# 7-Eleven tawar koleksi loket

**Kuala Lumpur:** 7-Eleven Malaysia menawarkan koleksi loket dikenali sebagai Crystals Charm Collection melalui pengumpulan pelekat hasil pembelian barangan bermula hanya RM6.

Pengarah Eksekutifnya, Tan U-Ming berkata, pihaknya sentiasa peka terhadap kehendak pelanggan dan percaya kempen terbaru itu memenuhi kehendak pelanggan.

"Koleksi ini mengandungi kristal Swarovski yang 100 peratus tulen dan setiap RM1 dibelanjakan akan disalurkan ke Pertubuhan PRIDE," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Menurutnya, kempen berkenaan berlangsung lapan minggu bermula 8 September hingga 9 November.

Sepanjang kempen itu berlangsung, pelanggan akan diberikan satu pelekat dengan pembelian RM6 untuk produk terpilih di 7-Eleven. Selepas lengkap 15 pelekat, pelanggan boleh menuntut loket berkenaan mengikut pilihan masing-masing.

Pelanggan juga boleh memilih untuk memulakan koleksi dengan mendapatkan pek permulaan yang mengandungi gelang dan loket pada harga RM14.90.



TAN (kanan) pada majlis pelancaran kempen kumpul kristal loket untuk disalurkan ke Pertubuhan PRIDE.